

Aina, Alang raih emas compound



➔ Status bukan pilihan bantu aksi panahan tanpa tekanan

Oleh Mohd Khairie Khalid
khairie@bh.com.my

► Bangi

Status sebagai bukan pilihan menjadi kelebihan buat Nur Aina Yasmine Halim untuk muncul pemenang pingat emas acara compound individu wanita pada temasya Sukan Institusi Pen-

didikan Tinggi (SUKIPT) 2018, semalam.

Penuntut Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) itu juga dapat mengawal panahan untuk mencatat 642 mata meskipun tiupan angin agak kuat di Stadium Pavillion, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Kejayaan Aina turut mengecewakan pemanah tumpuan, Fatin Nurfatehah Mat Salleh, mewakili Universiti Sains Malaysia (USM) yang hanya menamatkan saingan di kedudukan keempat dengan jumlah 339 mata.

“Saya bukan seorang atlet kebangsaan dan bukan pemanah pilihan di sini. Tapi saya berpegang kepada prinsip iaitu semua orang boleh mendapatkan

pingat, jadi saya bersaing tanpa memikirkan orang lain.

“Tak sangka boleh menang kerana tiupan angin agak kuat di pusingan kedua. Ramai yang kecundang tapi saya hanya kekalkan momentum serta buat panahan dengan tenang,” kata Aina.

Alang cuba ke Sukan Asia

Mengulas lanjut, atlet berusia 22 tahun itu berkata dia sudah mencapai sasarannya iaitu satu pingat emas di SUKIPT, namun menjadi satu bonus andai kata mampu terus menjadi nombor satu dalam acara lain selepas ini.

Sementara itu, pingat emas compound lelaki menjadi milik Alang Ariff Aqil Muhammad

Ghazalli mewakili Multimedia University dengan 663 mata.

Alang ketika ditemui berkata dia mulai bangkit selepas ketinggalan di peringkat awal sullivan berasa agak tertekan ketika beraksi.

“Ini perlawanan pertama dan emas pertama buat saya dan kejayaan ini milik saya selepas mulai bangkit ketika prestasi agak goyah di awal permainan.

“Selepas SUKIPT saya akan menyertai perlawanan percubaan Sukan Asia di Jakarta pada 8 Februari kerana ia salah satu medium pemilihan atlet untuk ke Sukan Asia,” katanya.

Sebanyak 14 pingat emas ditawarkan dalam sukan memamah menerusi temasya SUKIPT kali ini.

[FOTO MOHD KHAIRIE KHALID/BH]



Alang Ariff dan Nur Aina (kiri) bersama-sama pingat yang dimenangi, di Bangi, semalam.

KEPUTUSAN

Compound lelaki

Emas: Alang Ariff Aqil Muhammad Ghazalli (MMU), 663

Perak: Mohd Hakhiki Mohd Kamro (UNISZA), 660

Gangsa: Muhammad Fahrur Rosi Choiril Anuar (MSP), 657

Compound wanita

Emas: Nur Aina Yasmine Halim (UNISZA), 642

Perak: Syarah Syuhaidah Abas (UPM), 638

Gangsa: Iman Aisyah Norazam (UNISZA), 636